

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KETIGA BELAS,
MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TONY PUA KIAM WEE
[PETALING JAYA UTARA]

TARIKH JAWAPAN : 23 MAC 2015 (ISNIN)
DI DEWAN RAKYAT

SOALAN :

Tuan Tony Pua Kiam Wee minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan mengapa konsesi loji penjana kuasa telah ditawarkan kepada syarikat-syarikat yang tidak berkemampuan melabur dan tindakan yang akan diambil kepada syarikat 1MDB dan Malakoff yang gagal memulakan projek mereka. Adakah perjanjian mereka membolehkan Kementerian mengenakan penalti kewangan atau membatalkan kontrak tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Apabila memberikan tawaran kepada syarikat-syarikat yang berjaya dalam sesuatu bidaan projek tenaga, Kementerian saya sentiasa memastikan syarikat-syarikat ini mempunyai keupayaan dari segi teknikal dan kewangan. Di samping itu, setiap pembida perlu mendapatkan sokongan daripada mana-mana institusi kewangan secara rasmi berhubung dengan pembiayaan sesebuah projek bagi membuktikan kemampuan dan keupayaan sesebuah syarikat itu membuat pelaburan serta membangunkan sesebuah projek loji jana kuasa. Namun, semasa di lapangan, terdapat pelbagai cabaran dan kekangan yang perlu dihadapi seperti isu pemilikan tanah, penambakan dan sebagainya yang boleh menyebabkan kelewatan dalam pelaksanaan sesuatu projek serta menjejaskan kebolehlaksanaan projek oleh mana-mana pemaju yang telah diberikan projek itu.

2. Dalam hal ini, pihak 1MDB-Mitsui dan Malakoff telah mendapat sokongan bertulis dari institusi kewangan bersabit pembiayaan projek yang menjurus kepada keputusan bahawa syarikat tersebut berkemampuan untuk melabur dan mendapatkan pembiayaan bagi membangunkan projek tersebut. Di samping itu, kedua-dua pemaju telah membuktikan bahawa mereka mempunyai pengalaman dalam membangunkan projek loji jana kuasa.

3. Perjanjian Pembelian Tenaga (*Power Purchase Agreement - PPA*) yang dimeterai antara pihak TNB dan pemaju projek berhubung pembangunan sesebuah projek loji jana kuasa membolehkan pihak TNB sebagai pembeli tenaga, untuk mengenakan penalti kewangan ke atas pemaju yang telah diluluskan sekiranya terdapat pelanggaran perjanjian. Di samping itu, pihak Kerajaan juga boleh membatalkan penganugerahan projek ini kepada mana-mana pemaju sekiranya kritikal *milestone* yang khusus tidak dapat dipenuhi atau telah dilewati selama satu tempoh yang telah termaktub dalam perjanjian yang telah dimeterai. Dalam hal ini, Kerajaan belum merancang untuk membatalkan kontrak berkenaan kerana kritikal *milestone* masih belum dilewati ataupun mengenakan sebarang penalti.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG
KETIGA BELAS, PENGGAL KETIGA, MESYUARAT PERTAMA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN FONG KUI LUN
[BUKIT BINTANG]**

TARIKH : 23 MAC 2015 (ISNIN)

SOALAN : 48

TUAN FONG KUI LUN [BUKIT BINTANG] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan kedudukan kewangan FELDA Global Ventures (FGV) sejak ia disenaraikan di Papan Utama melibatkan operasi hulu dan hiliran serta sambutan pelaburan-pelaburan baru.

JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM,

TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, FGV merupakan syarikat senaraian awam dan tertakluk kepada peraturan Bursa Malaysia di mana setiap syarikat senaraian awam perlu melaporkan kedudukan kewangan syarikat setiap suku tahun.

Laporan kewangan FGV dibuat secara telus dan mematuhi standard yang ditetapkan oleh Bursa Malaysia serta boleh diakses oleh orang awam pada bila-bila masa selepas diumumkan. FGV juga telah diaudit oleh juruaudit bertauliah iaitu Price Waterhouse Coopers.

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2014, FGV mencatatkan keuntungan bersih selepas zakat sebanyak RM521.86 juta. Keuntungan diraih daripada pendapatan sebanyak RM16.4 bilion, iaitu meningkat 30.8 % daripada RM12.5 bilion tahun sebelumnya. Keuntungan operasi pula meningkat sebanyak 10% pada 2014 kepada RM1.03 bilion.

Prestasi memberangsangkan bagi tahun 2014 didorong oleh harga minyak sawit mentah (MSM) lebih tinggi sebanyak RM2,410 setan metrik berbanding RM2,333 setan metrik pada 2013. Kadar Gred Perahan (OER) juga lebih tinggi iaitu 21.01 % berbanding 20.44 % pada tahun sebelumnya.

Secara keseluruhannya, FGV mencatatkan kenaikan peningkatan prestasi sejak disenaraikan pada 2012.

Sekian, terima kasih.